

## UJIAN PEMAHAMAN SET 2

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pada pukul 2.00 petang itu, aku menaiki penerbangan MAS MH 2623 dari Kota Kinabalu ke Tawau. Berdasarkan rencana asal, aku sepatutnya menaiki pesawat yang berlepas pada sebelah pagi, jam sepuluh, sebaik sahaja selesai urusan perniagaanku di Kota Kinabalu. Aku terpaksa menukar jadual penerbangan bukan kerana ketiadaan tiket tetapi kerana aku menziarahi sepupuku yang terlantar di hospital.

Sepanjang penerbangan pada petang itu cuaca baik sekali. Apabila melewati ruang udara di kawasan pergunungan Kinabalu, pesawat itu bergoyang beberapa kali kerana tekanan udara yang rendah di kawasan itu. Hal itu lazim kualami selama berulang-alik dari dua bandar itu. Selepas menikmati secawan kopi dan sekeping roti yang diedarkan oleh pramugari, aku membelek-belek majalah "Golden Flying". Majalah itu memang disediakan untuk penumpang membacanya. Waktu selebihnya kugunakan untuk melayani fikiranku tentang sepupuku yang baru kulawati itu.

Lamunanku **tergencat** apabila ketua pramugari mengarahkan para penumpang agar memasang tali pinggang keselamatan. Rupa-rupanya tanpa kusedari, sebentar lagi pesawat itu akan mendarat di Lapangan Terbang Tawau. Tiba-tiba pesawat itu bergegar dan senget. Para penumpang menjerit ketakutan. Keadaan bertambah gawat apabila kedengaran beberapa letupan kecil di sebelah kanan pesawat itu. Sekilas aku memandang ke luar dan kelihatan beberapa buah rumah setinggan di hujung landasan itu ranap.

Pesawat itu berhenti dan pintu kecemasan terbuka. Para penumpang meluru ke pintu kecemasan. Seorang pramugari meminta kami bertenang dan beratur. Wajah masing-masing kelihatan cemas dan pucat lesi.

Ketika aku memijak anak tangga pertama sekali lagi kedengaran letupan. Letupan pada kali ini lebih kuat. Aku tercampak beberapa meter dan selepas itu aku tidak menyedari lagi apa yang berlaku.

Apabila aku membuka mata, kulihat ayah dan ibuku berada di sisiku. Kepalaku rasa berdenyut-deniyut. "Bertenang nak," kata ibuku, sambil mengesat air matanya.

Ayah memberitahuku bahawa pesawat yang ku naiki itu telah terbabas sebelum meletup. Aku dijumpai oleh pasukan penyelamat berhampiran pesawat yang telah berkecaci itu. Aku panjatkan rasa syukurku kepada-Nya. Tuhan, rupanya Engkau masih sayangkan aku, bisik hatiku.

1. Penulis menaiki kapal terbang pada sebelah petang kerana

- A tiada tiket penerbangan pada sebelah pagi
- B urusannya tidak beres pada pagi itu
- C pada sebelah pagi dia melawat sepupunya
- D dia ke hospital untuk mendapat rawatan

2. Mengapa kapal terbang itu tidak tetap kedudukannya apabila berada di ruang udara Gunung Kinabalu itu?

- A Kerana cuaca di situ amat baik.
- B Kawasan itu banyak awan yang tebal.
- C Kerana keadaan udara di kawasan pergunungan itu.
- D Kerana kapal terbang itu biasa melalui kawasan itu.

3. Apakah yang tidak dilakukan oleh penulis ketika dalam penerbangan itu?

- A Minum kopi dan makan roti
- B Mengelamun tentang sepupunya
- C Membaca majalah "Golden Flying"
- D Menyelak-nyelak halaman majalah "Golden Flying"

4. Maksud **perkataan tergencat** dalam petikan di atas ialah

- A terkejut
- B terhenti
- C tergendala
- D terganggu

5. Tajuk yang paling sesuai untuk cerita di atas ialah

- A Satu Pengalaman Yang Menggerikan
- B Terselamat Daripada Maut
- C Satu Catatan Perjalanan
- D Kapal terbang Terhempas di Tawau

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Kajian mendapati jumlah penyu yang mendarat di negara kita kian berkurangan. Nampaknya spesies ini kian pupus. Penyu-penyu itu bukan sahaja mati kerana termakan plastik yang disangkanya agar-agar laut, tetapi sebab utamanya ialah kerana keadaan laut yang dicemari oleh minyak yang dibuang oleh kapal-kapal. Ini ditambah dengan penggunaan pukat tarik yang digunakan oleh para nelayan. Haiwan ini sering didapati terperangkap di dalam pukat jenis ini.

Hal ini menyebabkan kerajaan melancarkan kempen "Selamatkan Penyu Kita". Tujuan utama kempen ini ialah untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang pentingnya mereka melindungi haiwan ini.

Sehubungan kempen itu, dua orang penyelidik dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Encik Liew Hock Chark dan Dr Chan Eng Heng telah melakukan kaji selidik terhadap lima ekor penyu dengan menggunakan satelit. Mereka berpendapat tidak banyak tabiat penyu yang diketahui selepas reptilia itu bertelur. Ini menyukarkan usaha untuk menyelamatkan spesies ini.

Usaha itu dilakukan dengan memasang alat pengesan pada cangkerang penyu itu. Selepas bertelur di Pulau Redang pada tahun 1993 dan 1994, lima ekor penyu itu telah dipasang alat tersebut. Alat ini menggunakan kuasa bateri yang tahan selama tiga bulan dan isyarat dari alat pemancar itu akan aktif apabila penyu-penyu itu timbul di permukaan air untuk bernafas.

"Kita perlu tahu ke mana penyu-penyu pergi dan tempat ia mencari makan sebelum kita dapat melindunginya," jelas Liew.

Hasil kajian berkenaan mendapati penyu itu mengembala beribu-ribu batu sehingga ke Indonesia atau Filipina untuk mencari makan. Ketika penyu-penyu itu mendarat untuk bertelur di Pulau Redang, keselamatan mereka terjamin. Ini kerana kawasan tersebut terkawal sedangkan kehidupan penyu-penyu di tempat mereka mencari makan itu sebaliknya. Di negeri-negeri itu penyu ditangkap dan dagingnya dijadikan makanan. Oleh yang demikian, keduadua penyelidik ini mengesyorkan agar diwujudkan kerjasama serantau antara negara kita dengan negara-negara jiran supaya penyu-penyu itu dilindungi sepenuhnya.

6. Semua perkara berikut benar tentang kepupusan penyu **kecuali**

- A pencemaran laut
- B penggunaan pukat tarik
- C tiada kerjasama untuk memeliharanya
- D penyu itu tersalah makan

7. Dr Chan Eng Heng dan rakannya berpendapat bahawa usaha menyelamatkan penyu rumit kerana

- A sikap orang ramai yang suka mencemari kawasan pantai dan laut.
- B kapal-kapal asing yang sering membuang sisa minyak.
- C kempen yang dilancarkan kurang berkesan.
- D kita kekurangan maklumat tentang kehidupan penyu.

8. Apakah tujuan penyelidik itu membuat kajian terhadap penyu-penyu itu?

- A Mengetahui habitat dan makanannya.
- B Mengetahui pergerakan penyu itu.
- C Mengkaji tabiat penyu.
- D Mengkaji sebab musabab penyu itu pupus.

9. Bagaimanakah alat pengesan itu berfungsi mengesan pergerakan penyu itu?
- [A] Dengan memancarkan isyarat dari bateri yang dilekatkan pada cangkerangnya.
  - [B] Dengan menggunakan kuasa bateri yang tahan selama tiga bulan.
  - [C] Dengan menghubungkan penyu itu dengan satelit.
  - [D] Dengan memancarkan isyarat ketika penyu itu timbul di permukaan air.

10. Kesimpulan yang dibuat oleh penyelidik setelah selesai kajian itu ialah
- [A] penyu-penyu itu memang suka mengembara sehingga ke perairan Indonesia dan Filipina.
  - [B] kerjasama antara negara-negara di ASEAN perlu dalam usaha menangani kepupusan penyu.
  - [C] penyu-penyu di negara kita memang perlu dikawal dengan lebih rapi.
  - [D] penyu-penyu tidak selamat ketika berada di perairan Indonesia.

### Soalan 11 hingga Soalan 15

Baca surat di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Anwaruddin bin Ahmad,  
No. 9, Lorong Bakawali 1,  
Taman Stephen, 88200 KOTA  
KINABALU,  
Sabah.  
30 OKTOBER 1995

Yang diingati saudaraku Nabil,

Apa khabar? Saya di sini berada dalam keadaan sihat walafiat dan diharapkan saudara dan keluarga saudara **lebih-lebih lagi**.

Terlebih dahulu saya memohon maaf kerana terlewat mewabah surat saudara tempoh hari. Saudara tentu sedar, pada hujung tahun semua pelajar sibuk membuat persediaan untuk menduduki ujian semester, termasuk saya.

Cerita saudara tentang musim buah-buahan, mengingatkan saya beberapa kenangan indah ketika berada di kampung saudara tempoh hari. Kita berbual-bual di dalam pondok sambil menunggu buah durian gugur. Sebaik-baik sahaja kedengaran buah durian gugur, masing-masing memasang jamung dan berlari-lari mencari buah itu. Biasanya ayah saudara yang lebih dahulu menjumpai buah durian itu, sementara kita masih mencangak di bawah pokoknya. Meskipun ayah saudara sudah tua, namun pendengarannya amat **tajam** dan dia dapat mengecam dengan tepat pokok yang mana gugur buahnya. Saudara tentu masih ingat, saya terpegang badan landak lalu menjerit kerana ketakutan dan berlari ke arah ayah saudara. Kalian ketawa kerana geli hati. Suasana di dusun itu menjadi riuh-rendah. Kakak saudaralah yang paling kuat ketawanya. Kepada saya peristiwa itu cukup mengesankan.

Dalam surat saudara, saudara bertanya tentang Pulau Sipadan. Pulau ini terletak kira-kira empat puluh kilometer dari bandar Semporna. Kita boleh ke sana dengan menaiki feri atau bot dari Semporna atau Tawau.

Pulau Sipadan merupakan salah satu pulau yang tercantik di dunia. Pantainya bersih, putih dan menganjur sepanjang 18 kilometer. Air lautnya amat jernih tidak hairanlah jika pulau ini berjaya menarik ribuan pelancong saban tahun. Tambahan pula bentuk chaletnya yang cantik tetapi sewanya pula tidak mahal.

Pulau ini ada legendanya dan legenda itu bukanlah menjadi daya penarik kepada para pelancong itu. Para pelancong lebih gemar memancing, menyelam di dasar laut sambil melihat keindahan karangan laut.

Menurut legenda itu, kononnya di bawah pulau ini terdapat sebuah gua besar dikenali dengan nama 'Gua Kubur Penyu'. Dipercayai gua ini menjadi tempat tuju penyu jika ia hendak mati. Apabila sampai waktunya penyupenyu itu akan berenang memasuki gua tersebut dan tidak keluar-keluar lagi. Mungkinkah legenda itu benar? Tiada siapa yang mengetahui hal yang sebenarnya meskipun para penyelam terjumpa dengan timbunan kulit penyu di kawasan itu.

Jika saudara ke sini, akan saya bawa saudara ke pulau ini. Pulau Sipadan menanti saudara. Sampai di sinilah coretan saya. Sehingga kita bertemu di lembaran lain, salam

mesra yang berkekalan untuk saudara sekeluarga. Terima kasih.

Sahabatmu,

---

(Anwaruddin b.  
Ahmad)

11 Apakah maksud frasa 'lebih-lebih lagi' dalam petikan itu?

- A Anwaruddin berharap keluarga penulis sentiasa sihat.
- B Penulis berharapkan kawannya serta keluarganya lebih sihat.
- C Penulis serta keluarganya dan keluarga Anwaruddin lebih sihat lagi.
- D Semua pihak berada dalam keadaan lebih sihat walafiat.

12 Maksud perkataan **tajam** dalam petikan di atas ialah

- A baik  C galak
- B cekap  D mudah

13 Apakah peristiwa yang sukar dilupai oleh penulis ketika berada di dusun durian itu?

- A Duduk di atas dangau sambil menunggu buah durian gugur.
- B Suasana riuh ketika mencari buah durian yang gugur.
- C Gelak ketawa kakak yang kuat itu.
- D Penulis teraba belakang landak dan semua orang ketawa.

14 Maklumat manakah yang tidak benar tentang Pulau Sipadan?

- A Pantainya putih dan memanjang sehingga 18 kilometer.
- B Para penyelam gemar melihat keindahan dasar laut.
- C Chaletnya elok dan sewanya pula murah.
- D Pelancong datang setelah mendengar legenda itu.

15 'Gua Kubur Penyu' mendapat namanya mungkin sekali kerana

- A di situ tempat tuju penyu jika ia hendak mati.
- B di situ tempat penyu keluar masuk.
- C di situ terjumpanya banyak kulit penyu.
- D gua itu menjadi tumpuan pelbagai jenis penyu.

Baca syair di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pelangi indah berwarna-warni,  
Ketika gerimis muncullah diri,  
Pantang kita tunjuk jari jemari,  
Nanti kudung kata tukang peri.  
Pelangi melengkung itulah naga,  
Konon minum di dulang tembaga,  
Warnanya tujuh berbega-bega,  
Muncul matahari hilanglah rupa.  
Diceritalah oleh nenek saya,  
Di bawah dulang ada emas suasa,  
Sesiapa terjumpa pasti kaya,  
Hidup bahagia selamanya.  
Teja juga adalah namanya,  
Zaman kini tiada bahayanya,  
**Tak bisa** takutkan sesiapa,  
Fenomena biasa di alam maya.  
Cerita nenek dongeng semata,  
Sebenarnya pelangi biasan cahaya,  
Ke atas titik-titik air di angkasa,  
Fakta sains benar belaka.

- 16 Bilakah berlakunya kejadian pelangi?  
**A** Semasa hujan renyai-renyai.  
**B** Ketika matahari muncul.  
**C** Ketika kita menunjuk jari ke arahnya.  
**D** Ketika cahaya matahari tersekat oleh awan.
- 17 Antara berikut, Yang manakah bukan warna pelangi?  
**A** merah  
**B** putih  
**C** hijau  
**D** biru
- 18 Cerita nenek tentang pelangi ialah  
**A** jari akan kudung jika kita menunjuk ke arah pelangi.  
**B** sesiapa yang melihat Pelangi akan kaya.  
**C** pelangi hilang apabila matahari terbit  
**D** pelangi ialah naga yang sedang minum di dulang tembaga
- 19 Maksud '**tak bisa**' dalam syair di atas ialah  
**A** pelangi sebenarnya tidak mempunyai racun  
**B** pelangi tidak mungkin menakutkan sesiapa  
**C** kejadian pelangi adalah perkara biasa  
**D** pelangi tidak boleh mengkudungkan jari.
- 20 Ahli sains berpendapat bahawa  
**A** kejadian pelangi sama seperti cerita nenek.  
**B** kejadian pelangi amat luar biasa di alam dunia ini.  
**C** semua maklumat tentang pelangi seperti dalam puisi itu benar.  
**D** pelangi terbentuk akibat biasan cahaya ke atas titik-titik air.
- Soalan 21 hingga Soalan 35**  
Pilih jawapan yang **paling sesuai** untuk diisikan ke tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.
- 21 Kain songket ini ..... buatannya sebab itu harganya agak mahal.  
**A** halus  
**B** lembut  
**C** cekap  
**D** cantik
- 22 Pembahas itu mendapat markah tertinggi kerana ..... percakapan serta bernal pula isi ucapannya.  
**A** pantas  
**B** petah  
**C** lancar  
**D** licin
- 23 Nelayan itu sedang ..... jaringnya yang koyak di bawah pokok kelapa.  
**A** menampal  
**B** membubu  
**C** menjahit  
**D** membaik pulih
- 24 Mereka melarikan diri apabila ..... dengan seekor harimau di hutan itu.  
**A** tersempak  
**B** terserempak  
**C** tersergap  
**D** terserlah
- 25 Setelah sekian lama berkawan, dia dapat ..... isi hati kawannya itu.  
**A** menyelami  
**B** merenangi  
**C** menggambarkan  
**D** melihat
- 26 Sempadan ..... di antara dua buah negeri itu ialah sebatang sungai.  
**A** perpisahan  
**B** berpisahan  
**C** pemisahan  
**D** pemisah
- 27 Nenek sedang menjahit atap, ..... datuk sedang membelah kayu api ketika kami sampai di rumah mereka.  
**A** malahan  
**B** manakala  
**C** walhal  
**D** tetapi

28 Jurulatih itu bersungguh-sungguh melatih pasukan hoki sekolahnya supaya muncul sebagai juara, ..... hasratnya itu berkecai apabila pasukannya tewas dalam perlawanan suku akhir.

- A** namun demikian      **C** malahan  
**B** jika demikian      **D** sementara

29 .....menetap di kawasan perumahan itu, belum pernah terjadi kejadian buruk di kawasan itu.

- A** Sementara      **C** Selagi  
**B** Selama      **D** Apabila

30 Orang itu sudah berumur, tetapi perangainya masih .....

- A** kemalu-maluan      **C** kebudak-budakan  
**B** kehairan-hairanan      **D** kegila-gilaan

31 Rusa itu ..... hendak melepaskan diri daripada jerat bingkas itu.

- A** tergapai-gapai      **C** terkial-kial  
**B** meronta-ronta      **D** melonjak-lonjak

32 Dia ..... setelah menamatkan larian sejauh 400 meter itu.

- A** tersedak-sedak      **C** terpinga-pinga  
**B** tercungap-cungap      **D** bersorak-sorak

33 Secara ..... dia telah berpindah dari kampung itu.

- A** diam-diam      **C** berhati-hati  
**B** berbisik-bisik      **D** berdikit-dikit

34 Ayah memasang se ..... bendera pada se .....tiang yang diperbuat daripada buluh.

- A** helai ... batang      **C** buah ... pucuk  
**B** bidang ... keping      **D** helai... buah

35 Harga dua ..... petai dan se .....rambutan ini ialah lima ringgit.

- A** ikat biji      **C** papan ikat  
**B** buah... longgok      **D** keping ... cekak

Pilih simpulan bahasa yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong dalam ayat di bawah.

36 Setelah berada selama setengah jam di rumah kami, dia pun ..... kerana hendak pulang.

- A** minta nyawa      **C** minta jalan  
**B** minta ampun      **D** minta diri

37 Dia membatalkan niatnya hendak bekerja di bandar kerana tidak .....hendak meninggalkan ibunya yang telah tua.

- A** jauh hati      **C** sampai hati  
**B** ambil hati      **D** berat hati

### Soalan 38 hingga Soalan 39

Pilih soalan yang paling sesuai untuk ayat yang bergaris.

38 Perlawanan bola sepak Piala Malaysia itu akan berlangsung di Stadium Merdeka pada pukul 8.00 malam ini.

- A** Bilakah perlawanan akhir bola sepak Piala Malaysia berlangsung?  
**B** Di manakah perlawanan bola sepak Piala Malaysia itu diadakan?  
**C** Mengapakah perlawanan bola sepak itu diadakan di Stadium Negara?  
**D** Apakah yang berlaku di Stadium Merdeka pada pukul 8.00 malam?

39 Hari Ibu diadakan pada setiap tahun untuk mengenang jasa ibu yang tiada ternilai itu.

- A Apakah tujuan pihak kerajaan mengadakan Hari Ibu pada setiap tahun itu?
- B Mengapakah jasa ibu tidak ternilai kepada kita?
- C Bilakah Hari Ibu itu diadakan setiap tahun?
- D Bagaimanakah sambutan Hari Ibu yang diadakan pada setiap tahun itu?

Pilih perkataan berganda yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah yang membawa maksud berulang-ulang.

40 I Selendang yang dipakainya melambai-lambai ditiup angin.

- II ia menggaru-garu kepalanya yang gatal itu.
- III Budak itu tergapak-gagap ketika menjawab pertanyaan Cikgu Tan.
- IV Majlis persandingan itu diadakan secara besar-besaran.

- A I dan III sahaja  C III, III dan IV sahaja
- B I, III dan III sahaja  D I, II dan IV sahaja

41 I Keadaan di pasar itu riuh-rendah setiap pagi.

- II Emak membeli buku berwarna-warni untuk adik.
- III Kami bersalam-salaman ketika hendak berpisah.
- IV Julia mengangguk-angguk kepalanya tanda ia faham.

- A I dan II sahaja  C III dan IV sahaja
- B II dan III sahaja  D I, III dan IV sahaja

#### Soalan 42 sehingga Soalan 45

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang bergaris.

42 "Lebih baik kamu bayar hutang Si Leong tu," kata Abu kepada Budin.

- A Abu meminta Budin supaya menjelaskan hutang Leong itu.
- B Abu menasihati Budin supaya menjelaskan hutang Leong itu.
- C Abu mempelawa Budin supaya membayar hutang Leong itu.
- D Abu menyuruh Budin melunaskan hutang Leong itu.

43 "Saya terpaksa mengumpil pintu kereta sebelum beriaya menarik isteri saya yang terperangkap di dalam kereta yang terbalik itu" kata Zamani kepada wartawan itu

- A Zamani menjelaskan bahawa dia terpaksa mengumpil pintu kereta yang terbalik itu sebelum berjaya menarik isterinya keluar dari kereta.
- B Zamani menceritakan kepada wartawan itu bahawa dia terpaksa mengumpil pintu kereta untuk menyelamatkan isterinya yang terperangkap dalam kereta yang terbalik itu.
- C Zamani menerangkan kepada wartawan itu bahawa isterinya terperangkap dalam kereta yang terbalik itu dan dia terpaksa mengumpil pintunya.
- D Zamani memberitahu wartawan bahawa dia terpaksa mengumpil pintu kereta yang terbalik itu untuk menyelamatkan isterinya yang terperangkap di dalam kereta itu.

44 "Silalah makan. Buah-buahan ini baru sahaja saya petik dari kebun," kata emak kepada tetamunya.

- A Emak meminta tetamunya makan buah-buahan yang baru dipetiknya dari kebun.
- B Emak mempersilakan tetamunya menjamu selera dengan buah-buahan yang baru dipetik dari kebunnya.
- C Emak menjemput tetamunya makan buah-buahan yang baru dipetiknya dari dusun.
- D Emak menyuruh tetamu makan buah-buahan yang baru dipetik dari kebun.

45 Dengan pantas pemuda itu meluru ke arah alat Pemadam api dan menyemburnya ke arah api yang mula menyambar dinding bilik itu.

- A Pemuda itu meluru dengan pantas ke arah api yang mula menyambar

- dinding bilik itu lalu menyembur alat pemadam api.
- B** Api yang mula membakar dinding bilik itu berjaya dipadamkan setelah pemuda itu dengan pantas meluru ke arah alat pemadam api.
- C** Pemuda itu dengan cepat meluru ke arah alat pemadam api dan menggunakan untuk memadamkan api yang mula menyambar dinding bilik itu.
- D** Api yang mula membakar dinding bilik itu berjaya dipadamkan dengan pantas setelah pemuda itu meluru ke arah alat pemadam api dan menyemburnya ke arah api.

46 "Jangan mimpi kamu akan berjaya dengan cemerlang jika malas membaca buku."  
kata ibu kepada Kemala.

- A** Ibu menyuruh Kemala membaca buku jika ingin berjaya dengan cemerlang.
- B** Ibu Kemala memerlunya dengan menyatakan bahawa jangan bermimpi dia akan berjaya jika malas membaca buku.
- C** Ibu memerli Kemala yang memasang angan-angan akan berjaya dengan cemerlang jika malas membaca buku.
- D** Ibu mengingatkan Kemala supaya jangan berangan-angan mendapat kejayaan yang cemerlang jika dia malas membaca buku.

### Soalan 47 hingga Soalan 50

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 47 I Di pagi itu dia bangun lewat dan terburu-buru ke sekolah.  
II Semua penduduk-penduduk kampung itu masih hidup dalam keadaan yang miskin.  
III Dua ekor lembu itu sedang merumput di tepi padang.  
IV Pelbagai jenis kuih terdapat di gerai itu.

- A** I dan III sahaja **C** I, III dan III sahaja  
**B** III dan IV sahaja **D** I, III dan IV sahaja

- 48 I Terima kasih atas bantuan tuan tempoh hari.  
II Bola yang ditendangnya mengenai palang gol.  
II Emak membuat tikar dari daun mengkuang.  
IV Segala barang-barang keperluan untuk dibawa telah disiapkan oleh emak.

- A** I dan II sahaja **C** I dan IV sahaja  
**B** II dan III sahaja **D** II, III dan IV sahaja

- 49 I Selain daripada ikan, emak membeli daging, telur, dan buah-buahan.  
II Kedai itu kecil tetapi barang-barangnya tersusun dengan rapi.  
III Setengah orang tidak suka makan buah durian.  
IV Semua barang itu akan dihantar ke luar negeri.

- A** I dan II sahaja **C** II dan IV sahaja  
**B** II dan III sahaja **D** I, III dan IV sahaja

- 50 I Sebaik sahaja tiba di sekolah, loceng pun berbunyi.  
III Ali dan Abu berkawan baik, mereka berdua pelajar sekolah menengah.  
III Sungai di tepi kampung itu telah diperdalamkan.  
IV Pengawal itu menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa.

- A** I dan III sahaja **C** I, III dan IV sahaja  
**B** II dan III sahaja **D** III, III dan IV sahaja

Set soalan ini diambil dari laman web TM School On-Line

Jawapan bagi set 2

1. C
2. C
3. B
4. B
5. A
6. C
7. D
8. C
9. D
10. B
11. B
12. A
13. D
14. S
15. C
16. A
17. B
18. D
19. B
20. D
21. A
22. B
23. B
24. B
25. A
26. D
27. B
28. A
29. B
30. C
31. B
32. B
33. A
34. A
35. C
36. D
37. C
38. A
39. A
40. B
41. C
42. B
43. D
44. C
45. C
46. D
47. B
48. A
49. C
50. C